

**SYARAT-SYARAT PENAWARAN KURSUS LANJUTAN
PERINGKAT DIPLOMA DAN SIJIL DI ILKKM SESI SEPTEMBER 2021**

1. SYARAT KHUSUS

- 1.1 Berumur tidak melebihi **48 tahun** pada tarikh tutup tawaran;
- 1.2 **Berkhidmat** sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** bagi calon Kerajaan & Badan Berkanun dan **dua (2) tahun** bagi calon swasta pada tarikh tutup tawaran;
- 1.3 Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan** terkini pada tarikh tutup permohonan;
- 1.4 Mencapai markah **Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)** purata **85% ke atas** bagi tempoh **tiga (3) tahun** skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut (**2018, 2019, 2020**). Penilaian setahun LNPT hendaklah genap **12 bulan**;
- 1.5 Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan mahkamah;
- 1.6 Diperakui oleh Ketua Jabatan;
- 1.7 **Lulus pemeriksaan kesihatan** oleh Pegawai Perubatan Kerajaan (termasuk ujian Hepatitis B, Hepatitis C & HIV/AIDS dan U.P.T) selepas calon terpilih untuk mengikuti Kursus Lanjutan. Sekiranya keputusan pemeriksaan perubatan tidak lulus, tawaran adalah terbatal dengan sendiri;
- 1.8 Mempunyai pengalaman atau pendedahan latihan klinikal dalam bidang yang dipohon sekurang-kurangnya **enam (6) bulan**. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang bertugas di unit tersebut;
- 1.9 **Pegawai Kerajaan yang menarik diri** dari mengikuti latihan setelah menandatangani kontrak dengan Kerajaan Malaysia adalah tidak layak memohon selagi ikatan kontrak dengan Kerajaan masih berjalan;
- 1.10 Pegawai yang **menolak tawaran** kursus bagi sesi sebelum ini tanpa alasan yang munasabah adalah **tidak layak** memohon dalam tempoh **dua (2) tahun terakhir**;

- 1.11 Pegawai yang telah mengikuti mana-mana tawaran Kursus Lanjutan dalam tempoh **dua (2) tahun terakhir** adalah **tidak layak** memohon; dan
- 1.12 Calon **wanita tidak dibenarkan hamil semasa memohon dan sepanjang tempoh pengajian. Sekiranya didapati hamil ketika mengikuti kursus, peserta tersebut akan ditamatkan latihan.**

2. SYARAT-SYARAT KHAS

- 2.1 Syarat-syarat khas bagi mengikuti kursus **Sijil Pos Basik Prostesis Maksilofasial** adalah seperti berikut:
 - (a) Keutamaan diberikan kepada Juruteknologi Pergigian yang bertugas dengan pakar Maksilofasial atau sanggup ditukarkan selepas tamat kursus.